

TM3923

TEORI ETIKA

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

1

Objektif :

1. Memahami konsep dan teori etika
2. Memahami jenis-jenis teori etika

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

2

Keperluan Kepada Etika

Etika adalah satu bidang mengenai melakukan perkara yang betul.

Ahli falsafah mendapati ia adalah subjek yang rumit.

Teori etika diasaskan kepada andaian bahawa manusia adalah rasional dan bebas membuat pilihan

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

3

Teori etika sebenarnya cuba meningkatkan maruah, keamanan, kegembiraan dan kesejahteraan manusia.

Peraturan etika melibatkan semua orang. Ia bertujuan untuk mencapai keputusan yang baik untuk manusia sejagat.

Perilaku yang tidak beretika, walaupun tidak melanggar undang-undang boleh menjejaskan kerjaya dan reputasi kita.

Etika juga merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji tentang moral, prinsip moral, kaedah moral dan tindakan serta kelakuan manusia yang betul.

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

4

Pengenalan : Teori Etika

Greek ethos

French dan Granrose (1995) : set panduan/peraturan bertingklaku-menylesaikan konflik terhadap keinginan

Buchnolz (1989) : sistem –panduan tingklaku

Shea (1988 : 17) : prinsip bertingklaku yang mengawal individu atau profesion dan sebagai satu standard tingklaku

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

5

Perkembangan Teori Etika

Etika bermula di zaman purba Greek apabila ahli-ahli falsafah hanya memberikan tumpuan kepada kebaikan moral.

Socrates (469-399 B.C.) menggunakan pendekatan yang mencabar dan menggalakkan rakan-rakannya untuk berfikir tentang kebaikan dan kesihatan roh.


Idea utama Socrates tentang etika adalah berhubung dengan menyakinkan orang agar berakhlak mulia.

Socrates mengatakan bahawa kebahagiaan adalah mustahil diperoleh tanpa memiliki kebaikan moral dan tindakan yang tidak beretika akan mengganggu orang lain malah beliau menganggap orang yang tidak beretika sebagai orang yang lemah dan mempunyai psikologi yang tidak sihat.

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

6




Plato (428-348B.C.) mengkaji hubungan etika dan personaliti manusia

Kebaikan moral adalah suatu imbalan dan harmoni di kalangan perbezaan yang wujud dalam roh

Kebaikan moral sebagai suatu keperluan terhadap kesihatan roh tetapi kebaikan yang sejati adalah sukar dicapai

Mengikut Plato kebaikan moral adalah berada di bahagian dalaman intelektual

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 7




Aristotle (384-322B.C.) pula, beliau melihat kebaikan moral agak berbeza daripada Plato dan Socrates di mana beliau menyatakan bahawa kebaikan moral mempunyai hubungan yang sedikit dengan intelektual tetapi lebih kepada sifat (*character*) atau personaliti.

Plato dan Socrates pula mengatakan beretika itu mempunyai hubungan yang rapat antara kebaikan moral dan personaliti yang sihat.

Bagaimanapun ketiga-tiga ahli falsafah ini berpendapat bahawa kebajikan seseorang itu bergantung sepenuhnya dan berada dalam tangan seseorang itu.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 8




Sekiranya etika dahulu menekankan kebaikan moral dan rasionalnya, etika moden banyak menfokuskan kepada menentukan sifat-sifat beretika menerusi tindakan.

Etika moden telah membentuk dua persaingan iaitu :

1. tindakan yang mempunyai sifat etika dalaman dan memerlukan status moral daripada akibat (*consequences*) yang dibuat
2. tindakan itu sama ada betul atau salah.

Dahulunya ia dikenali sebagai Teologikal dan sekarang dikenali dengan Deontologikal iaitu pendekatan kepada etika.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 9



Penyataan dalam Teori Etika

1. Etika deskriptif.


Merupakan suatu disiplin yang membicarakan tentang sejarah sistem moral.

Etika deskriptif memberitahu bagaimana ahli masyarakat harus bertingklaku, apakah peraturan yang digunakan dan dianuti dalam sesebuah masyarakat dan sebagainya.

Etika deskriptif menyedarkan manusia bahawa terdapat berbagai sistem moral yang bersifat relatif di muka bumi ini : etika Kristian, Buddha, Islam, Yahudi, Hindu etc

Etika deskriptif menyatukan bentuk atau karektor sesuatu sistem moral yang ada tanpa membuat penilaian, pengadilan dan keputusan terhadap sistem tersebut.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 10



Penyataan dalam Teori Etika


2. Etika normatif.

Merujuk kepada panduan dan peraturan yang berkaitan dengan tingklaku yang baik dan jahat.

Ianya juga menjurus kepada kenyataan yang memberitahu apa yang mesti dilakukan dan apa yang betul.

Ia menilai, mengkritik dan membuat keputusan terhadap sistem moral yang ada di samping menerangkan sesuatu undang-undang moral yang dianggap terbaik, bukan undang-undang moral yang sedia ada dan sedia diterima.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 11



Etika normatif mengemukakan sistem moral yang piawai berpandukan sistem sedia ada.

Etika normatif menyedarkan kita bahawa tidak semua nilai moral berubah mengikut perubahan masa tetapi ada yang terus kekal dipelihara meskipun budaya mengalami perubahan.

Inilah yang dikatakan sebagai nilai mutlak dan biasanya berkait rapat dengan agama.

Golden Rule merupakan contoh prinsip etika normatif klasik. Jika mahu orang melakukan perkara yang baik kepada kita, kita perlu melakukan perkara yang baik juga kepada orang lain.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 12

Teori dan Aliran Pemikiran

1. **Teologi** : Teori ini melihat kebaikan dan keburukan sesuatu tindakan. Sesuatu perbuatan itu tidak diketahui sama ada baik atau buruk sehinggalah melihat kepada kesannya.

vs

2. **Deontologi** atau *non consequentialist* : Teori deontologi ini berasaskan kepada prinsip asas iaitu kewajiban manusia. Teori ini berasal daripada perkataan Greek, *deon* iaitu *duty* yang merujuk kepada kewajiban individu.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 13

Teori dan Aliran Pemikiran

3. **Subjektif**. Penilaian terhadap sesuatu etika berdasarkan kepada penilaian diri sendiri. Individu berhak meletakkan nilai sama ada baik atau sebaliknya. Perasaan peribadi terlibat dalam menilai dan menentukan baik buruk sesuatu tindakan.

vs

4. **Objektif**. Kod moral adalah bebas dari kepentingan individu. Baik dan buruk tidak bersandar kepada sikap individu tetapi wujud dengan sendirinya.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 14

Teori dan Aliran Pemikiran

5. **Naturalisme**. Sesuatu perbuatan itu baik atau buruk bergantung kepada pengalaman keseronokan. 'Baik' perlu dijelaskan dalam bentuk kualiti fakta alam seperti memenuhi keperluan manusia, mendatangkan kebahagiaan, kenikmatan dan sebagainya kepada manusia.

vs

6. **Non Naturalisme**. Moral adalah sesuatu yang unik dan tidak boleh dikelaskan. Sesuatu perlakuan itu baik kerana ianya memang baik.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 15

Teori dan Aliran Pemikiran

7. **Relativisme**. Sesuatu yang dianggap baik oleh satu masyarakat tidak mungkin dianggap sedemikian oleh masyarakat yang lain. (barat-timur) Ini bererti masyarakat yang berlainan memberikan nilai moral yang berbeza bagi tingkahlaku yang serupa.

vs

8. **Absolutisme**. Prinsip moral berbeza dari satu budaya dengan budaya yang lain. Bagaimanapun prinsip asas sejagat adalah sama. Misalnya, semua masyarakat meletakkan nilai yang tinggi kepada kebaikan.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 16

Teori Utilitarianisme

Teori ini merupakan suatu aliran atau dimensi di bawah teori etika Teologikal yang juga dikenali sebagai *consequentialism*.

Ia adalah doktrin moral yang mengkehendaki manusia supaya bertindak untuk menghasilkan kebaikan secara maksimum.

Kebaikan ini termasuklah kegembiraan atau keseronokan kepada semua pihak.

Tindakan dikatakan sebagai bermoral jika ia menghasilkan kegembiraan yang maksimum.

Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873) adalah dua orang tokoh yang dikaitkan dengan teori ini.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 17

Bentham mengenalpasti 7 elemen yang perlu dipertimbangkan untuk mengukur keseronokan-mencipta kalkulus Hedonistik Bentham yang memberi skala antara -10 hingga +10.

Elemen yang dimaksudkan oleh Bentham ialah: intensiti, jangka masa, kepastian, kesegeraan, kesedaran, keberkesanan dan had atau batasan.

1. Intensiti bermaksud kedalaman. Sejauhmanakah dalamnya kesan pengalaman terhadap seseorang.
2. Jangka masa. Berapa lamakah keseronokan atau kesengsaraan akan berakhir?
3. Kepastian. Adakah anda pasti sama ada mengalami keseronokan atau kesengsaraan akibat sesuatu yang berlaku.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 18

4. Kesegeraan. Kepantasan anda mengalami rasa seronok atau sebaliknya.

5. Kesedaran. Apakah kemungkinan anda mengalami rasa seronok pada masa akan datang?

6. Keberkesanan. Apakah kemungkinan anda mengalami rasa sengsara pada masa hadapan? Mangsa tragedi selalunya sentiasa berasa takut dan risau

7. Had atau batasan. Berapa kerapkah kesengsaraan dan keseronokan dicetuskan dalam kehidupan orang lain?

Jika jumlah skor kesengsaraan melebihi keseronokan maka sesuatu perbuatan tersebut adalah sememangnya salah dan tidak beretika.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 19

Mill membezakan antara keseronokan dengan memasukkan aspek kualiti. Mill mengukur kualiti dan kuantiti sekaligus. Menurut Mill, petunjuk kualiti keseronokan adalah seperti tinggi/rendah, baik/buruk, objektif/subjektif, dan baru/lama. Faktor yang boleh mempengaruhi keseronokan pula ialah kecerdikan, pendidikan, sensitiviti, bermoral dalam tindakan dan kesihatan yang baik.

Utilitarianisme pada peringkat paling rendah dipanggil 'act utilitarianisme'. Kita harus bertanya kepada diri sendiri mengenai kesan akibat sesuatu tindakan dalam keadaan tertentu ke atas pihak-pihak yang terlibat sebelum sebarang tindakan diambil. Sekiranya tindakan tersebut menghasilkan kebaikan maka ia dianggap betul.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 20

Jenis-jenis Utilitarianism

1. Act utilitarianism

Ciri yang pertama adalah merekodkan akibat sesuatu perbuatan sama ada bermoral atau sebaliknya berdasarkan kajian kes. Ciri ini dipanggil act utilitarianism.

Misalnya aktiviti riadah dengan menonton televisyen mungkin dianggap tidak bermoral kerana masa tersebut sepatutnya digunakan untuk melakukan kerja-kerja yang bermanfaat seperti kerja kebajikan

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 21

Jenis-jenis Utilitarianism

2. Hedonistic utilitarianism

Ciri yang kedua pula ialah mengambilkira kegembiraan, kesan daripada suatu tindakan dianggap bermoral. Ini kerana Bentham berpendapat, untuk menentukan benar atau salah (moraliti) tingkah laku individu, ianya perlu mengambilkira kesan dan akibatnya.

Misalnya tindakan atau perbuatan yang boleh meningkatkan ciri kesetiaan dan persahabatan, sehingga mencetuskan ciri kegembiraan. Memutuskan persahabatan tetapi membahagiakan kedua-dua pihak yang terlibat adalah suatu yang dianggap bermoral.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 22

Relativisme Etika

Keadaan merupakan pertimbangan utama dalam menentukan suatu tindakan itu sama ada beretika atau tidak. Tindakan dinilai berdasarkan kesan atau akibatnya.

Relativisme etika melihat kepada beberapa perspektif jika wujudnya pertentangan budaya dan pendapat antara individu. Perspektif tersebut melihat dari aspek :

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 23

1. Tiada nilai moral yang benar atau salah secara universal atau secara mutlak. Perbezaan ini berlaku apabila wujud pertentangan budaya dan amalan dalam diri individu terhadap sesuatu tindakan.
2. Kepelbagaian nilai budaya dan persekitaran memberikan penilaian yang berbeza terhadap tindakan individu sama ada bermoral atau sebaliknya.
3. Tiadanya skala penilaian yang piawai dan mutlak dalam menilai suatu perbuatan itu sama ada beretika atau sebaliknya


TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 24



Kajian Mengenai Etika

- 1. Etika umum**
 - a. Etika Deskriptif
 - b. Etika Normatif
 - c. Metaetika
- 2. Etika Khusus**
 - a. Safsatah
 - b. Bidang khusus

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 25




Metaetika:

Kajian ini adalah hasil daripada etika deskriptif dan normatif, iaitu menyenaraikan ciri-ciri serta istilah yang berkaitan dengan tindakan bermoral atau sebaliknya seperti kebaikan, kejahatan, tanggungjawab dan kewajipan.

Meta etika pula dibahagikan kepada dua iaitu :

1. Analitik yang berkaitan dengan menganalisis semua peraturan yang berkaitan tingkahlaku baik dan jahat
2. Kritikal yang berkaitan dengan mengkritik terhadap apa-apa yang telah dianalisis.


TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 26



Etika khusus

1. Safsatah : Suatu seni dan teknik dalam penyelesaian masalah dan dilema yang mengaplikasikan prinsip-prinsip moral.
2. Bidang khusus: Mengaplikasikan kajian etika umum dalam bidang-bidang khas seperti bisnes, perubatan, politik dan sains.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 27




Penilaian dalam etika

Penilaian terhadap perbuatan yang baik adalah melalui peningkatan terhadap kesedaran dan pembangunan rohani individu hasil daripada perbuatannya

Etika mengambil kira penilaian ke atas suatu tindakan itu berbanding hanya dengan :

- a. Melabelkan perbuatan yang baik jika ianya memenuhi kehendak dan keperluan manusia sahaja.
- b. Melabelkan perbuatan yang baik jika ianya meningkatkan kehidupan dan melabelkan sebaliknya jika perbuatan itu memusnahkan kehidupan.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 28




Aspek dalam Etika

Terdapat dua aspek dalam etika. Aspek pertama iaitu keupayaan menilai yang baik dan yang buruk, dosa dan pahala atau sesuai dan sebaliknya. Aspek yang kedua pula melibatkan komitmen dalam melakukan apa yang baik dan bersesuaian.

Etika tidak lagi semata-mata satu topik perbualan dan isu yang diperdebatkan tetapi memerlukan tindakan dan susulan.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 29



Subjektivisme Etika

Subjektivisme etika adalah bergantung kepada faktor kemahuan sama ada individu atau pencipta sebagai subjeknya.

Jika manusia merupakan kemahuannya, badan perundangan akan menentukan suatu keputusan itu dari segi undang-undang.

Jika kemahuan itu menjadikan Tuhan sebagai subjeknya, maka hukuman lebih berbentuk kepada pembalasan Tuhan. Pengampunan dan pembalasan atas dosa yang dilakukan atau pahala atas kebaikan yang dibuat adalah antara manusia dan Tuhan.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (05/06) 30

Objektivisme Etika

Menurut objektivisme etika, nilai-nilai moral merupakan suatu kebaikan.

Undang-undang tidak dicipta dan tidak berasaskan subjek sama ada manusia atau Tuhan.

Salah satu bentuk objektivisme etika ialah nilai mutlak moral (*moral absolutism*). Hukuman yang dikenakan adalah muktamad. Untuk mengelakkan hukuman, seseorang perlulah melengkapkan kehidupan masing-masing serta mematuhi undang-undang .

Hukum Karma dan Kelahiran semula merupakan gambaran kehidupan dalam objektivisme etika yang mencapai sifat lengkapnya.

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

31

Kelas Am Teori Etika

Ahli falsafah lazimnya membahagikan teori etika kepada tiga kelas am iaitu metaetika, etika normatif dan etika gunaan.

Metaetika mengkaji asal prinsip-prinsip etika dan penggunaannya. Adakah prinsip etika merupakan suatu rekaan sosial? Adakah prinsip-prinsip etika ini merupakan gambaran hasil daripada emosi individu? Meta etika menjawab persoalan ini yang memfokuskan kebenaran universal, ketentuan Tuhan, alasan kepada penilaian etika dan definisi istilah-istilah berkaitan etika itu sendiri.

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

32

Etika normatif lebih kepada praktikal. Misalnya dalam menentukan piawaian moral terhadap tindakan yang betul atau salah. Perlukah saya mendapat keizinan daripada pemiliknya? Perlukah saya mencuri untuk sesuap nasi? Persoalan ini akan dijawab melalui panduan yang disediakan oleh etika normatif.

Etika gunaan pula melibatkan penyelesaian ke atas isu-isu kontroversi seperti isu pengguguran, pembunuhan anak, pencemaran alam, homoseksual dan peperangan nuklear. Etika gunaan mengaplikasikan garis panduan konseptual dalam metaetika dan etika normatif untuk menyelesaikan isu-isu ini.

TM3923

Komputer, Etika & Sosial (05/06)

33